



RIWAYAT-RIWAYAT PERAWI BERDUSTA DAN DITUDUH BERDUSTA DALAM PERIWAYATAN HADITH

Mohd Nor Adli bin Osman¹, Muhamad Rozaimi bin Ramle², Muhamad Aidil bin Zali³,
Mohd Zaid bin Ismail⁴

¹ PhD Candidate, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia, ²Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia, ³PhD Candidate, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia, ⁴Politeknik Sultan Azlan Shah, Malaysia.

Abstract

When a narrator is judged by a critic with a liar or lying accused, then the allegations will bring down the dignity of narrated narrations of the hadiths. This is because of their indirect belief that the narrator is disputed. Hence, the hadith scholars place the trust of narrators as one of the important elements that must be fulfilled before a hadith is received. It is one of the branches in the weak division of the hadith. Then the practice of such hadiths should be avoided. This study aims to look at the definition of lies and accused of lying, as well as see also the history of appearing lies in the history. Besides, it is also seen from the angle of al-jarah wa al-ta`dil in accepting the brand registration. Hence, this study will see some views from the side of al-jarah wa al-ta`dil to conclude the decision whether their narrative is accepted or otherwise. This study uses a qualitative study in the form of document analysis. The results of this study found that the hadith scholars differed in views to accept the reconciliation of the brand's recitals which had been repented from the reprimand of some who received and others who did not receive their narrative. This knowledge has its own significance so that the researchers can evaluate each event before accepting it as a practice. Furthermore, this study also explains to us some methodology regarding al-jarah wa al-ta`dil knowledge when assessing a narrator.

Kata Kunci : berdusta, dituduh berdusta, *al-jarh wa al-ta`dil*

Article Progress

Received: 8 Februari 2019

Revised: 20 April 2019

Accepted: 1 June 2019

*Corresponding Author:

Mohd Nor Adli bin Osman,
PhD Candidate, Universiti
Pendidikan Sultan Idris,
Malaysia.

Email:

adliosman7726@yahoo.com

1.0 Pendahuluan

Islam meletakkan hadith sebagai sumber kedua selepas al-Qur'an dalam pensyiaran agama. Mempercayai dan mengamalkannya adalah sesuatu kemestian tanpa ada keraguan walaupun sedikit. Walaupun demikian, terdapat golongan yang cuma mempercayai dan mengamalkan hadith *mutawatir* sahaja dan mereka menolak hadith *ahad* iaitu golongan *Mu'ktazilah*. Tetapi *ahli sunnah wal jama'ah* cuma menolak pada hadith palsu sahaja.

Untuk menentukan martabat sesebuah hadith, perlulah dinilai dan dikaji dari segala segi samada pada sanad ataupun pada matan. Setelah dinilai dan dianalisa dari segi sanad hadith, para pengkaji akan menemui ada perawi yang dituduh dengan tuduhan berdusta dan berdusta. Para *nugqad* membuat tuduhan demikian setelah mengambil kira dari segala segi pada diri perawi hadith berkenan.

Dalam mengklasifikasikan para perawi, terdapat dua elemen yang berbeza iaitu mereka yang dituduh dengan tuduhan berdusta dan mereka yang berdusta dalam meriwayatkan hadith Nabi s.a.w. Sekiranya seseorang perawi dilemparkan tuduhan berdusta, maka hadith yang diriwayatkan oleh mereka itu adalah diketakterikan sebagai hadith *matruk* manakala perawi yang dihukum dengan hukuman berdusta maka hadith tersebut adalah hadith *maudu'* ataupun palsu ini secara asasnya.

Bagi mereka yang sangat menjaga keaslian dalam beramal, tuduhan-tuduhan sebegini adalah sangat berat. Mereka akan senantiasa berhati-hati dalam menerima dan menyebarkan hadith Nabi s.a.w supaya mereka tidak tergolong dalam kalangan umat yang mendapat ancaman yang buruk dari Nabi s.a.w.

Pengertian Bahasa

Dusta bermaksud bohong dan tidak benar (Md. Nor Bin Hj. Ab. Ghani, 2007). Manakala pengertian berdusta pula adalah sesuatu berita yang berlawanan dengan realitinya(Ibrahim Mustafa etc. 1989). Pengertian bagi pendustaan pula adalah perihal mendustai dan pembohongan dan definisi bagi pendusta pula adalah orang yang suka berdusta ataupun bermaksud pembohong.

Pengertian Istilah

Maksud bagi *al-kazib* ataupun dusta dalam konteks ilmu hadith adalah disandarkan penipuan tersebut pada hadith Nabi s.a.w dan tuduhan ini adalah yang paling tinggi dalam mentajrihkan para perawi (Muhammed ‘Abdul Layth al-Khayr Abadi 2009). Muhammad bin Ibrahim al-Wazir al-Yamani, ketika menerangkan tentang penjelasan definisi berdusta, beliau mengatakan, daripada kelembutan ilmu pada bab ini sesungguhnya memberitahu bahawa lafaz ini (berdusta) telah banyak ditimbukannya daripada hadith - hadith *mu'an'an* dalam ilmu *al-Jarh* yang disangka banyak kesalahan dalam hadithnya, dan tidak diterangkannya, dan juga tidak diterangkan kesalahannya itu lebih banyak daripada betulnya, oleh itu telah muncul kitab *al-Jarh wa al-Ta'dil* untuk memberitahu apa yang disebutkanya.

Pengertian *muttaham bi al-kazib* ataupun perawi yang mempunyai tuduhan berdusta dalam ilmu hadith pula, adalah sesiapa yang dithabitikan berdusta dalam percakapan mereka dan tidak thabit dalam hadith Nabi s.a.w, dinamakan juga sebagai hadith *al-matrūk*. Dalam martabat ilmu *al-jarh* lafaz ini berada pada martabat kedua yang paling rendah.

2.0 Sejarah Berdusta Dalam Periwayatan

Tercetusnya pendustaan riwayat adalah disebabkan beberapa faktor yang mendorong ke arah itu. Perselisihan yang berlaku di antara ‘Ali bin Abi Thalib dengan pemerintah Syam pada ketika itu iaitu Mu‘awiyah bin Abi Sufyan adalah antara faktor yang mendorong ke arah pendustaan dalam periwayatan(Muhammad `Ajjaj al-Khatib 1989). Hal ini dapat dibuktikan dengan sejarah yang timbul semasa perang Siffin (Muhammad `Ajjaj al-Khatib 1989).

Semasa peristiwa tersebut, mereka terbahagi kepada dua puak iaitu mereka yang taksub kepada Saidina ‘Ali ianya dikenali dengan Syiah. Manakala satu puak yang lain ialah mereka yang menyokong kepada Mu‘awiyah bin Abi Sufyan. Dalam sejarahnya puak Syi‘ah inilah yang mula-mula melakukan pembohongan atau pendustaan dalam periwayatan hadith. Antara hadith tersebut:

إِذَا رأَيْتُم مَعَاوِيَةَ عَلَى مَنْبُرٍ فاقْتُلُوهُ

Maksudnya:

Apabila kamu melihat Mu`awiyah di atas mimbarku maka bunuhlah ia (Ibn Jauzi. 1997)

Jika kita kembali melihat sejarah Islam, maka akan mendapati ‘Abd Allah bin Saba’ adalah pengasas kepada fahaman Syi‘ah (Mohd Asri Zainul Abidin. 2003). Malahan beliau terlibat secara langsung dengan terbunuhnya Khalifah Islam ketiga Saidina Uthman bin ‘Affan. Hal ini telah diulas dalam salah satu buku yang tulis oleh Mohd Asri Zainul Abidin, sesiapa yang membaca sejarah dengan teliti akan dapat melihat bahawa asas pemikiran Syi‘ah secara jelas adalah datang daripadanya (‘Abd Allah bin Saba). Beliau adalah seorang Yahudi yang berpura-pura mengaku Islam dan mencetuskan fitnah terhadap Khalifah Uthman. Fitnah itu dipegang dan dipercayai oleh golongan Syi‘ah sehingga hari ini.

Pendustaan riwayat yang dicetuskan oleh golongan syi‘ah adalah dari ketidakpuasan hati mereka dari sudut politik pada mulanya, yang akhirnya melarat kepada kebencian pada agama. Maka, selepas dari pendustaan yang telah dilakukan oleh ‘Abd Allah bin Saba’, secara tidak langsung beliau telah membuka jalan kepada beberapa ‘tokoh’ lain untuk melakukan cara yang sama. Hasilnya lahirlah Muhammad bin Umar al-Waqidi, Jabir al-Ja‘fi, Abi Salmi Uthman al-Bari, Nu‘aim bin Hammad, Mubassyir bin ‘Ubaid al-Kufi, Sulaiman bin ‘Amru al-Kufi, Jami‘ bin Umair al-Kufi, Nahsyal bin Said an-Naisaburi, Abu Said bin ‘Ali an-Nadwi, dan ramai lagi(Khalad Kabir ‘Allah. 2003). Menurut Ibn

Qayyim al-Jauziyah mengatakan, sesungguhnya *al-Rafidah* - Syi'ah - telah meletakkan kepalsuan kepada kelebihan Saidina 'Ali dan Ahli Bait sebanyak 300,000 buah hadith.

3.0 Faktor-Faktor Kemunculan Pendustaan Dalam Periwayatan

Terdapat beberapa faktor penting yang mendorong terjadinya pendustaan dalam periwayatan yang telah dicatat oleh beberapa kitab hadith, antara yang utama adalah ketaksuhan yang melampau pada `aqidah. Ini berlaku pada tahun pada tahun 75H hingga pada 86H (Muhammed 'Abdul Layth al-Khayr Abadi, 2009), perkara terjadi pada fahaman Syi'ah, *al-Jabariah*, *al-Qadariah*, *al-Murjiah*, *al-Jahmiah*(Muhammed 'Abdul Layth al-Khayr Abadi, 2009), Sufi, *al-Karamiah*(Muhammed 'Abdul Layth al-Khayr Abadi, 2009), *al-Zindiqah*, *al-Zuhud* yang melampau dan golongan *al-Mutakalimun*.

Ada beberapa contoh hadith yang dibawa oleh golongan ini untuk memperjuangkan aliran 'aqidah mereka. Misalnya, seperti hadith yang telah dibawa oleh puak *al-Qadariah*:

رسول الله ﷺ يقول إذا كان يوم القيمة وجمع الله الأولين والآخرين في صعيد واحد فالسعيد من وجد لقده موضعًا فينادى مناد
من تحت العرش ألا من برأ ربه من ذنبه وألزمته نفسه فليدخل الجنة

Maksudnya:

Rasulullah s.a.w bersabda apabila datang hari kiamat Allah s.w.t menghimpunkan orang-orang yang terdahulu dan terkemudian pada satu tempat, maka mereka yang gembira itu diletakkan pada satu tempat. Selepas itu terdapat suara yang memanggil di bawah 'Arash, bukankah sesiapa yang bebas daripada dosa terhadap tuhannya tetapkanlah jiwanya, maka masukkanlah mereka ia ke dalam Syurga. (Ibn Jauzi. 1997)

Dalam sejarahnya pada kurun kedua telah lahir pendustaan daripada golongan *al-zuhud* yang melampau dalam dunia institusi hadith. Mereka telah melakukan berbagai-bagai bentuk penyelewengan yang kemudian disandarkan kepada Baginda s.a.w. Mereka telah mendustakan hadith yang berkaitan dengan kelebihan bulan *nisfu sya'ban*, salawat-salawat tertentu yang dikhaskan pada malam 'asyura'(Muhammed 'Abdul Layth al-Khayr Abadi, 2009), kelebihan surah-surah di dalam al-Qur'an. Sebagai contohnya seperti mana yang telah digambarkan oleh Ibn Qayyim al-Jauziyah dalam kitabnya yang terkenal *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Dhaif*, beliau mengulas beberapa riwayat yang menceritakan kelebihan tertentu apabila membaca surah-surah yang tertentu mendapat beberapa ganjaran. Maka yang demikian itu adalah dusta yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. (Ibn Qayyim al-Jauziyah: 1970). Antara tokoh-tokohnya adalah:

1. Abu 'Asmah Nuh bin Abi Maryam al-Maruzi
2. 'Abd Allah bin al-Maswur al-Hasyimi al-Madani
3. Al-Khalil Ahmad bin Muhammad bin Ghilib al-Bahali.

Selain itu, bagi pendapat golongan *al-Karamiah* mereka mengharuskan penyelewengan hadith yang berkaitan dengan *targib wa tarhib* (Abi 'Amru Usthman bin 'Abd ar-Rahman as-Syahrzuri, 2010). Golongan ini disandarkan kepada pengasasnya yang bernama Muhammad bin Karam al-Syasastani al-Mutakalim. Antara tokohnya adalah:

1. 'Umar bin Bahr al-Jahaz.
2. Abu Uthman bin 'Amru bin 'Uba5d al-Basri.
3. Abu al-Hazil al-'Allaf al-Bahri.

Selain itu, taksub dari segi aliran mazhab fiqh dan imam-imam dalam mazhab-mazhab tertentu juga antara jenis pendustaan dalam periwayatan ilmu hadith. Fenomena ini berlaku pada kurun yang ketiga(Muhammad 'Ajjaj al-Khatib 1989). Hal ini berlaku kerana, ada beberapa pengikut imam-imam dalam mazhab-mazhab fiqh tertentu yang terlalu taksub pada imam mereka sehingga mereka sanggup meletakkan pengikut-pengikut mazhab yang berbeza dengan mereka sebagai kafir. Antara contoh hadith mereka adalah:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: يكون في أمتي رجل يقال له محمد بن إدريس أضر على أمتي من إبليس، ويكون في أمتي
رجل يقال له أبو حنيفة هو سراج أمتي هو سراج أمتي

Maksudnya:

Ada pada umatku seorang lelaki, Muhammad bin Idris yang menyesatkan umatku lebih daripada kalangan Iblis, ada pada umatku seorang lelaki Abu Hanifah adalah dia penyuluh umatku adalah penyuluh umatku. (Ibn Jauzi. 1997)

Ketaksuhan ini berlaku selepas kewafatan al-Imam al-Syafie pada tahun 204H. Justeru itu dapat dilihat bagaimana runtuhnya kerajaan Bani 'Abbasiyah dalam sejarahnya. Mereka melakukan perdebatan antara pengikut-pengikut mazhab untuk menunjukkan mazhab siapa yang betul dari segi pemikiran mazhabnya. Daripada perdebatan tersebut maka lahirlah beberapa pembohongan kepada periwayatan hadith untuk menyokong pendapat mereka. Antara tokohnya adalah (Khalad Kabir 'Allah. 2003):

1. Abu Said Aban bin Ja'far al-Bahri.
2. Ahmad bin Muhammad bin as-Sholat al-Hamani.
3. Al-Akhbari al-Husain bin al-Qasim al-Kaukabi.

Selain itu, ketaksuhan kepada sesebuah negara ataupun *qabilah* juga merupakan antara bentuk pendustaan dalam periwayatan. Kondisi sedemikian dapat lihat dalam lipatan sejarah Islam yang berlaku semasa pemerintahan Bani *Umaiyyah* (Muhammad `Ajjaj al-Khatib 1989) yang berlaku selama hampir 90 tahun pemerintahan. Di mana pada waktu tersebut, kebanggaan mereka terhadap bangsa arab telah mendorong mereka melakukan pendustaan terhadap hadith Nabi s.a.w. Antara hadithnya adalah:

إِنَّ أَبْغُضَ كَلَامَ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى الْفَارِسِيَّةِ وَكَلَامَ الشَّيْطَانِ الْخَوْزِيَّةِ وَكَلَامَ أَهْلِ النَّارِ الْبَخَارِيَّةِ وَكَلَامَ أَهْلِ الْجَنَّةِ الْعَرَبِيَّةِ

Maksudnya:

Sesunguhnya yang paling dibenci oleh Allah s.w.t adalah kata-kata al-Farsiyah dan kata-kata syaitan itu adalah Bahasa al-Kawaziyah dan kata ahli neraka itu adalah Bahasa al-Bukhariyah dan kata-kata ahli syurga itu adalah Bahasa Arab. (Ibn Jauzi. 1997)

Hadith-hadith tersebut adalah sebahagian sahaja bagi mengambarkan bentuk ketaksuhan yang berlaku dalam sejarah Islam. Hakikatnya, banyak lagi hadith yang mengambarkan situasi berkenaan dalam beberapa kitab-kitab hadith seperti *Silsilah al-Ahadith al-Dhaifah wa al-Maudhu'ah*, kitab *al-Manar al-Munif*, Kitab *al-Maudhu'at* dan lain-lain lagi. Antara tokohnya adalah (Muhammad `Ajjaj al-Khatib 1989):

1. Hilal bin 'Abd ar-Rahman al-Hanafi.
2. Yahya bin Abi Sulaiman al-Madani
3. 'Anbisah bin Said al-Basri.

4.0 Pendirian Ulama' *Al-Jarh Wa Al-Ta`Dil* Dalam Menerima Periwayatan Mereka.

Sesungguhnya sekirannya seseorang perawi itu dipertikaikan periwayatan mereka oleh para ulama' *al-Jarh wa al-Ta`dil*, secara tidak langsung ke`adalah mereka telah dipertikaikan. Sekirannya ke`adalah mereka dipertikaikan, maka para ulama' *al-Jarh wa al-Ta`dil* berbeza pandangan samada menerima pandangan mereka atau sebaliknya. Jadi perbezaan pandangan ini dapat dilihat kepada dua pandangan:

Pendapat pertama: boleh diterima periwayatan mereka. Pendapat ini telah didukung oleh Abu Zakariya al-Nawawi. Sebenarnya, yang dimaksudkan dengan boleh menerima pendapat mereka itu adalah selepas mereka bertaubat nasuha diatas pendustaan yang mereka telah lakukan itu dengan syarat taubat mereka itu turut di ketahui oleh orang lain (al-Nawawi. 2005). Sesungguhnya, pendustaan tersebut adalah bukan kerana sifat fasiq yang ada pada diri mereka dan juga pendustaan tersebut bukan sesuatu yang segaja yang dicipta oleh mereka.

Pendapat kedua: adalah tidak boleh diterima periwatan mereka. Hal ini kerana, mereka telah melakukan suatu jenayah dalam periwatan ilmu Íadâh dengan pendustaan yang mereka zahirkan melalui hadith yang telah mereka riwayatkan itu. Justeru itu, pendustaan yang dilakukan adalah sangat serius dan sangat berat, hal ini kerana, ianya melibatkan nilai-nilai ketulenan dalam agama yang di bawa risalahnya oleh Nabi s.a.w. Atas dasar itu, Ibn Solah berpendapat sekalipun mereka itu melakukan taubat diatas pendustaan yang mereka sengaja lakukan makanya periwatan mereka tetap tidak boleh diterima. Pendapat ini turut disokong oleh beberapa para ilmuwan Islaman yang lain antaranya adalah Ahmad bin Hanbal, Abu Bakr al-Humaidi, Abu Bakr al-Syuraifi, para fuqaha', pengikut-pengikut mazhab al-Syafi'i dan golongan *al-Mutaqddimin*.

Selain dari itu, antara ulama` lain yang turut memberi ulasan tentang hal ini adalah seperti, al-Imam al-Muzaffar al-Sam'an:

"Barangsiapa yang berdusta di dalam satu berita maka wajib baginya terputus apa yang telah diceritakannya dahulu" (Ibn Solah. 2010).

Selain itu Ibn Mubarok mengatakan:

"Barangsiapa yang berdusta sesungguhnya tertolak kebenarannya".

Rafi' Asyraf juga telah mengatakan:

"Barangsiapa yang berdusta sesungguhnya tidak diterima kebenarannya".

Oleh yang demikian, menurut penulis periwatan mereka yang melakukan pendustaan itu harus ditolak. Walaupun pada diri mereka telah bertaubat nasuha atas pendustaan yang dilakukan oleh mereka. Samada pendustaan itu, di sandarkan pada hadith Nabi s.a.w ataupun tidak. Seperti mana pengertian *muttaham bi al-kazib* yang telah penulis jelaskan pada bahagian yang lepas. Hal ini kerana, ia melibatkan sesuatu di dalam agama.

5.0 Contoh Riwayat Perawi Yang Berdusta Dan Dituduh Berdusta

(1) حدثنا إسماعيل بن أبي إسماعيل، ثنا إسماعيل بن عياش، عن الكلبي ، عن أبي صالح، عن ابن عباس، عن النبي صلى الله عليه وسلم، قال: لا تقوم الساعة حتى يلتقي الشیخان فيقول أحدهما لصاحبه: متى ولدت فيقول يوم طلعت الشمس من المغرب.

Al-Kalbi atau nama beliau ialah Abu an-Nahar Muáammad bin al-Saib bin Basyar. Hadith tersebut terdapat di dalam *Bughyat al-Bahith 'an Zawid Musnad al-Harith*, nombor hadith 796. Beliau adalah salah sahabat kepada `Abd Allah bin Saba. Beliau wafat pada tahun 146h. Al-Imam al-Tirmidhi juga turut meletakkan perawi tersebut pada sunannya.

(2) أخبرنا القاضي أبو بكر أحمد بن الحسن الحرشي ، أنا حاجب بن أحمد الطوسي ، ثنا عبد الرحيم بن منيب ، ثنا حبيب بن محمد الموزي الشيباني ، حدثني أبي ، عن إبراهيم الصائغ ، عن ميمون بن مهران ، عن ابن عباس ، قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : من صام يوم عاشوراء كتب له عبادة ستين سنة بصيامها وقيامها ، ومن صام يوم عاشوراء أعطى ثواب عشرة آلاف ملك ، ومن صام يوم عاشوراء أعطى ثواب ألف حاج ومتعم ، ومن صام يوم عاشوراء أعطى ثواب عشرة آلاف شهيد ، ومن أفتر عنده مؤمن في يوم عاشوراء كأنما أفتر عنده جميع أمة محمد صلى الله عليه وسلم ، ومن أشبع جائعا في يوم عاشوراء كأنما أطعم جميع فقراء أمة محمد صلى الله عليه وسلم وأشبع بطونهم ، ومن مسح بيده على رأس يتيم في يوم عاشوراء رفعت له بكل شعرة على رأسه درجة في الجنة ". قال : فقال عمر رضي الله عنه : يا رسول الله لقد فضلنا الله تعالى في يوم عاشوراء ؟ قال : "نعم ، خلق الله السماوات في يوم عاشوراء ، والأرضين كمثلها ، وخلق العرش في يوم عاشوراء ، والكرسي كمثله ، وخلق الجبال في يوم عاشوراء ، والنجموم كمثله ، وخلق القلم في يوم عاشوراء ، واللوح كمثله ، وخلق جبريل في يوم عاشوراء ، وملائكته في يوم عاشوراء كمثله ، وخلق الجنة في يوم عاشوراء ، وأسكن فيها آدم في يوم عاشوراء ، وولد

إِبْرَاهِيمَ فِي يَوْمِ عَاشُورَاءِ ، وَنَجَاهَ اللَّهُ مِنَ النَّارِ فِي يَوْمِ عَاشُورَاءِ ، وَأَغْرَقَ فَرْعَوْنَ فِي يَوْمِ عَاشُورَاءِ ، وَرَفَعَ إِدْرِيسَ فِي يَوْمِ عَاشُورَاءِ ، وَكَشَفَ عَنْ أَيُوبَ يَعْنِي الْبَلَاءِ يَوْمَ عَاشُورَاءِ ، وَرَفَعَ عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ فِي يَوْمِ عَاشُورَاءِ ، وَوُلِدَ فِي يَوْمِ عَاشُورَاءِ ، وَتَابَ اللَّهُ عَلَى آدَمَ يَوْمَ عَاشُورَاءِ ، وَغَفَرَ ذَنْبَ دَاؤِدَ فِي يَوْمِ عَاشُورَاءِ ، وَأُعْطِيَ مَلِكُ سَلِيمَانَ فِي يَوْمِ عَاشُورَاءِ ، وَاسْتَوَى الرَّبُّ عَلَى الْعَرْشِ فِي يَوْمِ عَاشُورَاءِ ، وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي يَوْمِ عَاشُورَاءِ.

Nama beliau adalah Habib bin Abi Habib al-Khartoti atau nama beliau Habib bin Muhammad al-Maruzi al-Syaibani. hadith ini terdapat di dalam kitab *Arba' Majalis* yang telah di karang oleh al-Imam al-Khatib al-Bahgadadi pada nombor hadith 41.

(3) أَخْرِينَا أَبُو سَعْدٍ ، أَنَا أَبُو أَحْمَدَ بْنُ عَدَى ، ثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدَ بْنُ عَنْبَسَةَ ، ثَنَا كَثِيرُ بْنُ عَبْدِ الْجَمِيعِ ، ثَنَا بَقِيَّةً ، عَنْ مَقَاتِلِ بْنِ سَلِيمَانَ ، قَالَ : حَدَّثَنِي أَبُو الزَّيْر ، وَشَرْحَبِيلُ بْنُ سَعْدٍ ، عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : يَبْعَثُ اللَّهُ عَالَمُ وَالْعَابِدَ ، فَيُقَالُ لِلْعَابِدِ : ادْخُلِ الْجَنَّةَ ، وَيُقَالُ لِلْعَالَمِ : اثْبِتْ حَتَّى تُشَفَّعَ لِلنَّاسِ بِمَا أَحْسَنْتُ أَدْبَهُمْ .

Nama beliau adalah Maqatil bin Sulaiman bin Basyir al-Azdi. Hadith tersebut terdapat di dalam kitab *Syu'ab al-Iman* yang telah di tulis oleh al-Imam al-Baihaqi pada kitab nombor hadith 1585. Terdapat juga kisah mengatakan terdapat seorang lelaki datang kepada perawi tersebut dan bertanyakan tentang warna anjing ashab al-Kahfi, maka perawi tersebut memberitahu warna anjing itu adalah berbelang-belang. Oleh yang demikian menurut Nu'aim bin Hamad, ini adalah pemulaan penipuan yang dilakukan oleh perawi ini (Ibn Hajar. 1908). Perawi tersebut telah wafat pada tahun 150H (ad-Dhahabi. 1995)

(4) حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يَزِيدَ ، حَدَّثَنَا نُوحُ بْنُ جَعْوَنَةِ السَّلْمِيِّ الْخَرَاسَانِيِّ ، عَنْ مَقَاتِلِ بْنِ حِيَانَ ، عَنْ عَطَاءِ ، عَنْ أَبْنِ عَبَّاسٍ ، قَالَ : حَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْمَسْجِدِ ، وَهُوَ يَقُولُ بِيَدِهِ هَكُذَا - وَأَوْمَأَ عَبْدَ الرَّحْمَنَ بِيَدِهِ إِلَى الْأَرْضِ - : "مِنْ أَنْظَرَ مَعْسِرًا أَوْ وَضْعًا لَهُ ، وَقَاهُ اللَّهُ مِنْ فَيْحَةِ جَهَنَّمِ ، أَلَا إِنْ عَمِلَ الْجَنَّةَ حَزَنَ بِرِبِّوَةَ - ثَلَاثَةَ - أَلَا إِنْ عَمِلَ النَّارَ سَهْلَ بِسْهَوَةَ ، وَالسَّعِيدَ مِنْ وَقِيِّ الْفَتْنَ ، وَمَا مِنْ جَرْعَةَ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ جَرْعَةِ غَيْظٍ يَكْظِمُهَا عَبْدٌ لَهُ إِلَّا مَلَأَ اللَّهُ جَوْفَ إِيمَانِهِ .

Nama beliau adalah Nuh bin Ja`unah ada juga menyebut beliau dengan nama Abi Maryam, Yazid bin Ja`unah dan Yazid bin Ja`unah . Bapa kepada perawi ini adalah seorang Majusi, dan perawi ini adalah seorang *al-Jahmiyah*(al-Mizzi. 1985). Hadith ini terdapat di dalam kitab *Tafsir ibn Kathir* pada jilid pertama ketika beliau menafsirkan ayat 278 dalam surah al-Baqarah. Beliau wafat pada tahun 173 hijrah.

(5) عَنْ أَحْمَدَ بْنِ مُحَمَّدَ بْنِ عَاصِمٍ ، قَالَ : حَدَّثَنَا نَصْرُ بْنُ عَاصِمٍ الْأَنْطَاكِيُّ ، قَالَ : حَدَّثَنَا عُثْمَانَ بْنَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ ، قَالَ : حَدَّثَنَا إِسْحَاقَ بْنَ نَجِيْحٍ ، عَنْ عَطَاءِ ، عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : رَدُوا مَذْمَةَ السَّائِلِ وَلُوْبَمِثْ رَأْسِ الذِّبَابِ .

Nama beliau adalah Ishaq bin Najih al-Mulhi al-Azdi atau beliau juga dikenali dengan nama Abu Solih dan Abu Yazid. Dari segi periyawatan hadith pula, beliau dikenali dalam kalangan ahli *nuqqad* dengan gelaran *dajjal* (Ibn Hibban, 2000) antaranya adalah Ibn Tahar. Menurut Ibnu Ma'in perawi tersebut tergolong melakukan pendustaan terhadap nabi dan ianya juga adalah musuh Allah s.w.t dan seorang lelaki yang jahat. Di Baghdad terdapat satu kumpulan yang melakukan pendustaan terdapat hadith nabi dan Ishaq bin Najih adalah salah seorang daripada mereka, hal ini telah dinyatakan oleh Ibnu Abi Syaibah.

6.0 Kesimpulan

Setelah melihat dan menganalisa riwayat-riwayat yang berdusta dan dituduh berdusta dari sudut sejarah dan faktor terjadinya pendustaan dalam riwayat, maka dapat diketahui bahawanya ianya telah bermula sewaktu zaman *at-tab`in* kemudian ianya semakin berkembang pesat sejarah dengan tersebarnya agama Islam. Oleh itu, menganalisa setiap riwayat yang diterima mutakhir ini adalah amat mustahak. Penyemakkan riwayat-riwayat tersebut bertujuan agar umat Islam pada masa kini dapat beramal dengan keaslian ajaran yang di bawa oleh Baginda s.a.w.

Rujukan

- Al-Qur`an
- Abi `Amru Usthman bin ‘Abd ar-Rahman as-Syahruzuri, *Muqaddimah Ibn Solah fi 'Ulum Hadith* (2010M). Tahqiq ‘Abd Allah al-Mansyawi, Kaherah, Dar al-Hadith.
- Abi al-Firaj ‘Abdul ar-Rahman bin ‘Ali bin Muhammad bin Ja’afar (Ibn Jauzi). *Al-Maudhu’at min al-Ahadith al-Marfu’at*(1418H). Tahqiq Dr. Nur ad-Din bin Syukri bin ‘Ali Buya Jailar, Dar Adwa’ as-Salaf, Riyadh, Cet Pertama.
- Ahmad bin Ali bin Hajar al-Asqalani, *Tahdhib al-Tahdhib*(1326H). Jilid 4, Tahqiq Ibrahim al-Zaibaq dan `Adil Mursyid, Muassasah ar-Risalah, Baghdad.
- An-Nawawi, *Sahih Muslim Syarah an-Nawawi*, *Muqaddimah Sahih Muslim*, *Bab Taglizu al-Kazab 'ala Rasulullah s.a.w*(2005M). Tahqiq ‘Asham as-Shobabuti, Darul al-Hadith, Kaherah.
- Ibn Hibban, *al-Majruhin Min al-Muhadithin*(2000M), Jilid Pertama, Dar as-Somai, Arab Saudi.
- Ibn Qayyim al-Jauziyah, *al-Manar al-Munif fi as-Sahih wa al-Dho’if*(1970M). Tahqiq ‘Abd Fatah Abu Guddah, Cet Pertama.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Hasan as-Ziyad, Hamad ‘Abd al-Qadir, Muhammad ‘Ali al-Najar, *Mu’jam al-Wasit*(1989M). Dar ad-Da’wah, Istanbul.
- Jamal ad-Din Abi al-Hajjaj Yusuf al-Mizzi, *Tahdhib al-Kamal fi Asma’ ar-Rijal*(1985M). Muassah ar-Risalah, Baghdad.
- Khalad Kabir ‘Allah, *Madrasah al-Kazibin fi Riwayah at-Tarikh al-Islami wa Tadwinuhu* (2003M). Dar Balagh, al-Jazaiz.
- Md. Nor Bin Hj. Ab. Ghani, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007M). Dawama Sdn.Bhd, Selangor, Edisi keempat cetakan kedua.
- Muhammad `Ajjaj al-Khatib, *Usul al-Hadith 'Ulum wa Mustolahu* (1989M). Beirut, Dar al-Fikr
- Muhammed ‘Abdul Layth al-Khayr Abadi, *Mu’jam Mustolihat al-Hadith wa ‘Ulumuh wa Asyharu al-Mushannifin Fihi* (2009M). Dar Nafaes, Malaysia, Cetakan Pertama.
- Muhammed ‘Abdul Layth al-Khayr Abadi, *‘Ulum al-Hadith Asluha wa Ma‘asiruhu*, Malaysia (2009M). Dar al-Syakir.
- Mohd Asri Zainul Abidin, *Pertelingkahan Para Sahabat Nabi s.a.w Antara Ketulenan Fakta Dengan Pembohongan Sejarah* (2003). Kuala Lumpur,Pustaka Yamien Sdn Bhd.
- Syam ad-Din Muhammad bin Ahmad ad-Dhahabi, *Mizan al-‘Itdal Fi Nuqqad ar-Rijal* (1995M). Jilid 6, Tahqiq `Ali Muhammad Mu`awad dan `Adil Ahmad `Abd al-Maujud, Lubnan, Dar al-Kutub al-`Alamiah, Cet Pertama.